

16 FEB 2002

KERJASAMA BANGUNKAN INDUSTRI BULUH ANTARA FRIM-GERIK TIMBER INDUSTRIES

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menandatangani memorandum perjanjian dengan Gerik Timber Industries Sdn Bhd (GETI) bagi membangunkan industri buluh.

Memorandum perjanjian antara kedua-dua pihak itu akan ditandatangani Rabu depan.

FRIM telah memulakan projek perintis industri buluh di Felda Mempaga 3, Bentong, Pahang pada 1997 bersama Felda dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Menurut kenyataan FRIM hari ini, skop kerjasama itu ialah pengurusan kilang pemprosesan buluh, latihan teknikal dan kemahiran memproses buluh di kalangan masyarakat Felda, penubuhan ladang buluh, pembangunan produk buluh serta ekonomik pengeluaran.

Mengikut perjanjian, GETI akan menjalankan operasi secara komersil untuk pengeluaran produk bermutu tinggi khususnya pakir dan pepapan buluh manakala FRIM akan menyediakan latihan dan khidmat teknikal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Dasar Baru Pertanian negara telah memberi penekanan mengenai perlunya industri buluh di Malaysia dikembangkan bagi perusahaan dan pembuatan buluh yang bermutu tinggi.

-- BERNAMA  
RZS MFJ FAZ